

Syor kaji penambahbaikan PTPTN

KEBELAKANGAN ini, isu pemansuhan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sedang rancak diperbincangkan oleh media massa tempatan dan juga masyarakat di negara kita terutama mahasiswa.

Golongan ini sanggup mengadakan demonstrasi secara terbuka bagi menuntut agar PTPTN dimansuhkan. Oleh itu, isu ini perlu dinilai berdasarkan kajian ilmiah, fakta dan akal fikiran rasional, dan bukannya berdasarkan parti dan emosi semata-mata.

Sebagai mahasiswa, mereka yang berintelektual perlu bijak menilai sesuatu berdasarkan fakta ilmiah dan kajian menyeluruh dari segi kebaikan dan keburukan tersembunyi di sebalik pemansuhan pinjaman PTPTN ini.

Justeru itu, kita perlu mengkaji terlebih dulu apakah kebaikan pemansuhan pinjaman PTPTN ini. Antara kebaikan yang dapat dilihat daripada pemansuhan pinjaman ini sudah tentu dapat meringankan beban mahasiswa yang sudah menamatkan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi.

Jika dilihat realiti pada hari ini, peluang pekerjaan sangat terhad dan persaingan mendapatkan pekerjaan juga sangat sengit kerana kebanyakan masyarakat di negara kita memiliki kelulusan pendidikan pada tahap diploma ataupun ijazah.

Keadaan ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan 20 tahun lalu iaitu majikan berebut-rebut menawarkan pekerjaan kepada mahasis-

wa yang tamat pengajian kerana tidak ramai berpendidikan tinggi.

Peluang mereka mendapatkan pekerjaan sangat tipis dan terpaksa menganggur. Bagaimanapun mereka tetap terpaksa membayar balik pinjaman PTPTN walaupun masih belum mempunyai pekerjaan dan pendapatan tetap.

Jika pinjaman itu tidak dibayar, kadar faedah akan terus meningkat dan ini jelas membebankan mahasiswa.

Adakah kemudahan ini akan membantu mereka untuk berjaya sepenuhnya? Soalan ini akan terjawab sekiranya masyarakat berfikir rasional iaitu dengan memikirkkan bahawa setiap kebaikan pasti ada keburukannya. Terpolang kepada keintelektualan individu



Selepas melihat pada kebaikan pemansuhan pinjaman PTPTN ini, sudah semestinya kita perlu mengkaji keburukannya juga. Antara keburukan paling jelas ialah mahasiswa tidak akan bersungguh-sungguh menuntut ilmu kerana segala-galanya diberikan secara percuma



terbabit untuk menilai yang mana lebih baik.

Selepas melihat pada kebaikan pemansuhan pinjaman PTPTN ini, sudah semestinya kita perlu mengkaji keburukannya juga. Antara keburukan paling jelas ialah mahasiswa tidak akan bersungguh-sungguh menuntut ilmu kerana segala-galanya diberikan secara percuma.

Sudah menjadi lumrah, seseorang individu tidak akan menghargai sesuatu yang boleh diperoleh dan dikecapinya secara mudah dan percuma. Ini akan membawa kepada kejatuhan modal insan di kalangan generasi muda di negara kita.

Kemungkinan hanya segelintir mahasiswa saja yang akan bersyukur dengan merebut peluang ini sebaik mungkin. Selebihnya adalah sebaliknya.

Justeru saya berpendapat pinjaman PTPTN tidak wajar dihapuskan secara terus tetapi penambahbaikan perlu dilaksanakan agar rakyat terutamanya mahasiswa tidak terbeban dengan hutang sepanjang hidup mereka selaras dengan zaman yang semakin mencabar pada masa kini.

Pihak yang berkepentingan perlu berfikir terbuka dengan mengadakan rundingan dan perbincangan dengan segera bagi mengelakkan isu ini menjadi semakin parah dan memuncak.

HERNANI,
Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM).